

17.11.2019

SIARAN MEDIA

LINDUNGI SUNGAI DAN KAWASAN TADAHAN AIR DENGAN BAIK DEMI BEKALAN AIR

- **Hutan hujan yang menadah air hujan dan sungai yang menyalurkan air mentah adalah permulaan rantaian nilai bekalan air.**

PULAU PINANG, Ahad, 17.11.2019: Sungai dan kawasan tadahan air mereka adalah sumber air mentah utama Malaysia yang mesti dilindungi dengan betul untuk memastikan bekalan air yang baik dan berterusan.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP dan PBA Holdings Bhd Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata aset semulajadi ini merupakan permulaan rantaian nilai bekalan air.

Di Malaysia, kawasan tadahan air biasanya adalah hutan hujan yang menadah air hujan ketika hujan. Air mentah kemudian mengalir ke sungai dan dibawa ke arah laut.

“Kita boleh berbelanja berbilion ringgit untuk membina empangan baru hari ini. Walau bagaimanapun, empangan baru ini tidak akan berguna jika ia tidak dapat diisi dengan air mentah dari kawasan tadahan airnya.

“Kita mungkin menghabiskan berjuta-juta ringgit untuk menaik taraf loji rawatan air. Walau bagaimanapun, kita tidak dapat menghasilkan lebih banyak air yang dirawat jika air mentah tidak mencukupi untuk diabstrak dari sungai atau empangan,” katanya.

“Dengan kata lain, bekalan air untuk 32.6 juta rakyat Malaysia dan semua perniagaan yang beroperasi di Malaysia sangat bergantung kepada keselamatan kawasan tadahan air dan sungai kita,” katanya pada penutup program kesedaran sungai “Jom Kenali Sungai Kelian” di Tanjong Bungah hari ini.

Pada tahun 2019, Dato' Ir. Jaseni berkata, kesan pencemaran sungai dan kontaminasi di Selangor, Johor dan Melaka menunjukkan pentingnya

pemantauan dan pengurusan sungai dengan betul. “Jutaan rakyat Malaysia di ketiga-tiga negeri ini telah mengalami kesan negatif akibat kejadian di sungai ini, dalam bentuk catuan air dan gangguan bekalan,” katanya.

Dato’ Ir. Jaseni berkata pada Julai 2019, terdapat juga laporan berita mengenai pelupusan sisa elektronik secara haram di kawasan tanah di Kedah, yang terletak di sepanjang tebing Sungai Muda.

“Pelupusan haram berlaku kira-kira 20km ke hulu muka sauk PBAPP Lahar Tiang . Syukurlah, ia tidak menjejaskan air sungai,” katanya. Sungai Muda adalah sumber air mentah utama Pulau Pinang. Lebih daripada 80% air mentah yang diabstrak oleh PBAPP setiap hari adalah dari Sungai Muda.

Dato’ Ir. Jaseni “insiden sungai” pada tahun 2019 harus menjadi “peringatan awal”.

“Pihak berkuasa perlu menguatkuasakan undang-undang sedia ada untuk melindungi sungai kita. Agensi utama yang bertanggungjawab ialah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS); Pejabat Tanah Daerah, dan pihak berkuasa tempatan, seperti MBPP dan MBSP di Pulau Pinang. Mencegah lebih baik daripada mengubati,” katanya.

Beliau berkata PBAPP dan operator air lain di Malaysia bertanggungjawab untuk menguruskan infrastruktur bekalan air, seperti empangan, loji rawatan air, stesen pam, kolam takungan dan saluran paip.

“Bagaimanapun, operator air tidak mempunyai bidang kuasa perundangan untuk melindungi dan memulihara sungai-sungai dari mana asal air mentah. Kuasa sedemikian terletak di tangan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan,” katanya.

Undang-undang yang ketat yang melindungi kawasan tadahan air di Pulau Pinang

Dalam hal berkenaan perlindungan dan pemuliharaan kawasan tadahan air, Pulau Pinang memimpin jalan di Malaysia. Dato’ Ir. Jaseni berkata PBAPP telah membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menggubal undang-undang negeri berikut:

1. Perintah Bekalan Air (Kawasan Tadahan) 2004, di bawah Enakmen Bekalan Air Pulau Pinang 2004, mengenal pasti 11 kawasan tadahan air utama di Pulau Pinang dan ia sekaligus melindungi kawasan hutan seluas 62.9 km persegi dari eksploitasi dan pencemaran komersil yang merosakkan.
2. Perintah Bekalan Air (Kawasan Tadahan) 2009 menyatakan bahawa hanya aktiviti berikut boleh dilakukan, di hilir muka sauk air mentah di kawasan tadahan air di Pulau Pinang:
 - a. Berkhemah, berkelah, hiking, kembara bukit dan hutan, berkanu dan berperahu tanpa motor, mengkaji burung, *orienteering* dan memburu di hutan, dan pertandingan memancing atau mengail.
 - b. Penubuhan *herbarium*, ladang botani, ladang rama-rama, zoo mini, taman *aviary* atau pusat mengkaji burung, *arboretum*, tapak perkhemahan, taman tasik dan/atau projek pembangunan eko pelancongan pasif lain.

Dato' Ir. Jaseni berkata sejumlah 62.9 km persegi kawasan hutan di Pulau Pinang dilindungi secara kekal oleh undang-undang negeri ini sebagai kawasan tadahan air.

“Sila ambil perhatian bahawa Perintah Pulau Pinang 2004 dan Perintah 2009 lebih ketat berbanding Akta Perhutanan Negara 1984 (APN 1984). Negeri-negeri lain telah mewartakan hutan sebagai hutan simpan kekal (HSK) di bawah APN. Walau bagaimanapun, Seksyen 10(1)(a) APN membolehkan klasifikasi HSK sebagai hutan pengeluaran balak di bawah hasil yang berterusan,” katanya.

“Di Pulau Pinang, tiada istilah hutan pengeluaran balak di bawah hasil yang berterusan. Undang-undang negeri kita sama sekali mengharamkan semua aktiviti yang merosakkan, termasuk pembalakan, di kawasan tadahan air,” tambah beliau.

Langkah-langkah yang diperlukan untuk melindungi Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air NCER

Dato' Ir. Jaseni berkata Pulau Pinang dan PBAPP masih memohon Kerajaan Pusat untuk membantu Kedah memulihara 163,000 hektar hutan hujan di Ulu Muda, secara total dan berterusan.

Terletak di Kedah, Ulu Muda adalah kawasan tadahan air yang paling penting di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Kira-kira 70% daripada air mentah Perlis, 96% daripada air mentah Kedah dan lebih daripada 80% daripada air mentah Pulau Pinang datanganya dari Ulu Muda.

Pada 4.11.2019, Ketua Menteri Pulau Pinang dan Ahli Parlimen Tanjung YAB Tuan Chow Kon Yeow menyoal di Parlimen jika Ulu Muda telah diwartakan sepenuhnya, memandangkan kepentingannya untuk bekalan air di NCER.

Dalam jawapan pada hari yang sama, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Kedah telah mewartakan 106,418 hektar (ha) hutan Ulu Muda sebagai “hutan simpan kekal” atau HSK sejak 24.9.1932.

KATS juga menyatakan bahawa pada 10.5.2018, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah mengklasifikasi 16,299 ha daripada HSK (15.3% daripada 106,418 ha) sebagai “hutan tadahan air” dan 11,118 hektar (10.4% daripada 106,418 ha) sebagai “taman hutan negeri”.

Dato’ Ir. Jaseni berkata 4.11.2019 jawapan parlimen membuka kemungkinan untuk pembalakan seterusnya di Ulu Muda.

“Kedah dilaporkan telah mewartakan hutan Ulu Muda sebagai HSK sejak tahun 1932. Walau bagaimanapun, pewartaan ini tidak menghentikan pembalakan di Ulu Muda sehingga tahun 2018,” katanya.

Pada 4.9.2018, KATS secara terbuka mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kedah kerana mengharamkan pembalakan di Ulu Muda. Bagaimanapun, pada 21.4.2019, *The Star* menerbitkan satu laporan khas yang memaparkan 700 ha hutan hujan telah digondol di Bukit Keramat, mendedahkan bukit kosong berhampiran Empangan Ahning.

“Ia jelas, hutan yang diwartakan sebagai HSK di bawah APN 1984 tidak melindungi kawasan tadahan air daripada pembalakan, kecuali kawasan-kawasan ini secara khusus diklasifikasikan sebagai “hutan tadahan air”.

“Jangan lakukan kesilapan: Mana-mana bentuk pembalakan di Ulu Muda mengancam bekalan air untuk kira-kira 4.2 juta orang di 3 negeri NCER di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Ini merupakan isu sosio ekonomi yang penting dalam NCER yang mesti diselesaikan secara tegas dan konklusif.



“Bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan kejayaan NCER, Kerajaan Persekutuan mesti membayar ganti rugi Kedah untuk memulihara Ulu Muda; dan membantu Kedah untuk memastikan Ulu Muda dilindungi sepenuhnya sebagai kawasan tadahan air NCER,” katanya.

Dikeluarkan oeh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my